

**TEKS UCAPAN Y.B. DATO' HAJJAH ROSNANI BT. IBRAHIM  
KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA  
SEMPENA PROGRAM SIMPOSIUM "INTEGRITI MANTAP  
HIDUP BERKAT"  
PADA 21 NOVEMBER 2005**

**DI DEWAN PRODUKTIVITI  
PERBADANAN PRODUKTIVITI NEGARA (NPC)  
BANDAR BARU UDA, JOHOR BAHRU**

Yang berusaha,  
En. Mohd Jamidan bin Abdullah  
Pengarah Badan Pencegah Rasuah Sarawak

Yang Berusaha  
Dr. Ab. Rahman bin Awang,  
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Johor

Yang Berusaha,  
Tuan Haji Ahmad Fadzil bin Mahmud  
Pengarah NPC Wilaya Selatan Johor

Ketua-ketua Jabatan,

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan terima kasih saya kepada Jawatankuasa Penganjur iaitu Badan Pencegah Rasuah Johor, Jabatan Alam Sekitar Johor dan Perbadanan Produktiviti Negara Wilayah Selatan, Johor kerana sudi menjemput saya hadir dalam majlis ini dan seterusnya merasmikan program ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada ketiga-tiga jabatan ini kerana usahasama yang dijalankan dapat menganjurkan program Simposium “Integriti Mantap Hidup Berkat” ini dengan jayanya. Semoga usaha sebegini dapat diteruskan dari semasa ke semasa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pemantapan integriti di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan dan masyarakat merupakan satu cabaran. Wawasan 2020 telah dijadikan aspirasi negara mencapai tahap sebuah negara maju dengan pendekatan atau acuan tersendiri. Komitmen dari pelbagai pihak mahupun dari pihak Kerajaan, swasta, pelajar malah individu amatlah penting ke arah mencapai iltizam murni memastikan impian ini terlaksana. Sembilan (9) cabaran telah dikenalpasti untuk ditandatangani dalam merealisasikan wawasan ini.

Cabaran keempat (4) Wawasan 2020 adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya perlu kukuh dalam nilai murni dan kejiwaan yang perlu didorong oleh tahap etika yang paling tinggi. Cabaran ini tidak boleh dianggap mudah jika usaha-usaha yang bersepadu dan menyeluruh tidak digerakkan secara berterusan dengan penuh keazaman dari semua pihak. Peranan ini tidak hanya terletak di bahu Kerajaan sahaja bahkan ianya menjadi peranan semua pihak.

Dalam menuju ke alaf baru pelbagai persediaan perlu dilakukan agar perjalanan menuju aspirasi negara ini tidak tergelincir. Barisan pelapis perlu dibentuk, dididik dan diberi pendedahan untuk mengambilalih tempok pentadbir di semua perkhidmatan baik di sektor Kerajaan mahupun sektor swasta. Golongan ini perlu ditanamkan nilai-nilai murni serta mempunyai tahap etika dan integriti yang tinggi agar tidak berbabas dari landasan kemajuan sama ada kemajuan fizikal, sosial dan juga moral.

Sehubungan dengan itu, memandangkan keperluan nilai-nilai murni ini dan semangat patriotisme perlu diterapkan kepada masyarakat, maka adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mendidik orang ramai menentang rasuah dan cintakan negara untuk mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah serta penyalahgunaan kuasa. Langkah menanam dan memupuk nilai-nilai murni dan berjiwa patriotik ini adalah mustahak agar ianya dapat membentuk insan yang beragama, berilmu, berketrampilan, berakhlak, bertanggungjawab dan berdaya maju.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Sebahagian anda adalah barisan pelapis kepada pemimpin yang ada. Pendedahan peringkat awal iaitu sebelum golongan ini menggantikan pemimpin yang ada perlu dijadikan satu natijah perjuangan dalam membentuk satu kumpulan yang dinamik dan beretika yang juga tidak dicemari oleh perbuatan yang bercanggah dengan kepentingan dan penyalahgunaan kuasa di masa akan datang. Adalah diharapkan simposium ini dapat membentuk pegawai Kerajaan yang berwawasan, proaktif dan berkemampuan untuk

memperkembangkan idea ke arah kemakmuran dan kesejahteraan bangsa dan negara.

Program ini merupakan salah satu aktiviti untuk menerapkan budaya bencikan perlakuan jenayah rasuah penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan bersemangat cintakan negara. Adalah diharapkan kesedaran yang timbul hasil dari program ini akan terus kekal di dalam sanubari semua peserta yang mengikuti simposium ini. Adalah diharapkan juga semoga segala pengetahuan dan pengajaran yang diperolehi akan disebarkan kepada rakan-rakan yang lain kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Kita dapati Kerajaan <sup>bersemangat</sup> memandang serius gejala rasuah. Pelbagai tindakan dilaksanakan bagi membentaras gejala ini seperti mengukuh, memperhebat dan memperkemaskan tindakan dari masa ke semasa. Sebagai contoh, Penguatkuasaan Akta Induk Pencegah Rasuah 1997 dimana peruntukan hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas pesalah rasuah serta kuasa penyiasatan pegawai BPR ditambah, Tidak cukup dengan pindaan tersebut, pihak Kerajaan telah melancarkan pula Gerakan Pemantapan Keutuhan Pengurusan Kerajaan Melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998. Objektif utama gerakan tersebut ialah untuk mengwujudkan Pentadbiran Kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti tinggi dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni di samping berusaha mengatasi masalah dan kelemahan dalam pengurusan kewangan, pengendalian kes-kes tatatertib rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang ditegah oleh <sup>agawa</sup> undang-undang, <sup>dan</sup> peraturan <sup>dan</sup>

Agama dan seterusnya mengwujudkan Institut Integriti Nasional dan melancarkan Pelan Intgriti Nasional.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Langkah dan tindakan ini dibuat adalah untuk meningkatkan integriti masyarakat dan menghapus rasuah. Rasuah jika tidak dibenteras, ianya boleh menggugat keselamatan awam, kesetabilan politik serta membebankan rakyat. Ia juga boleh menimbulkan ketidakadilan terhadap masyarakat akibat kerakusan dan pengkhianatan amanah oleh mereka yang berkuasa atau yang berpengaruh dengan mengaut keuntungan tanpa beretika. Masalah ini perlu ditangani secara terancang, menyeluruh dan bersepadu merangkumi bukan sahaja aspek-aspek pencegahan rasuah tetapi juga aspek kecekapan, ketelusan, integriti dan akuantabiliti dalam semua aspek pentadbiran.

Justeru itu, bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan membasmi dan memerangi segala bentuk jenayah dan perlakuan yang tidak beretika, maka program yang tuan-puan hadir ini merupakan langkah yang bijak. Komitmen ini perlu kerana ini adalah merupakan faktor penentu utama kejayaan atau "the critical success factor" ke arah mengwujudkan masyarakat yang bebas daripada rasuah serta menjana kejayaan dan kecemerlangan ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti dan beretika tinggi. Percayalah sesungguhnya jika sistem integriti dijadikan induk pentadbiran sesebuah jabatan Kerajaan, maka rasuah tidak mungkin mendapat tempat di mana-mana. Percayalah, penyalahgunaan kuasa dan rasuah akan menghancurkan agama, bangsa dan negara kita.

Saya difahamkan seramai 80 peserta mengambil bahagian dalam simposium ini yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan berbagai agensi seperti Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Jabatan Pengangkutan Jalan, Perhilitan, MITI, MIDA, JKR dan pihak Berkuasa Tempatan. Hampir separuh daripada simposium ini dihadiri oleh pegawai JAS Negeri Johor.

Saya sekali lagi ingin merakamkan tahniah kepada pihak penganjurkan yang telah mengambil inisiatif untuk menjayakan simposium secara penganjuran bersama, *in*

Akhir kata saya berharap tuan-tuan dan puan-puan semua selamat bersimposium dan saya amatlah berharap tuan-tuan memperolehi manfaat darinya dan mengamalkannya apabila kembali ke pejabat masing-masing. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanirahim saya merasmikan program Simposium "Integriti Mantap Hidup Berkat" anjuran BPR Johor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan NPC Wilayah Selatan Johor.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.